
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HMT 502 – SOSIOLOGI DAN KOMUNIKASI BAHASA MELAYU

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

1. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Jelaskan dan bandingkan maksud sociolinguistik dengan sosiologi bahasa.

[10 markah]

[b] Trudgill (1983: 2-5) membezakan tiga jenis kajian, iaitu yang objektifnya [i] linguistik tulen, [ii] separa linguistik, separa sosiologi, dan [iii] sosiologi. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Malaysia, huraikan ketiga-tiga jenis kajian ini.

[15 markah]

2. Jawab soalan [a] dan [b]. Soalan [b] menggunakan maklumat di dalam **Data 1**. Jawapan anda mestilah menggunakan kerangka teori konteks yang disarankan oleh Lewis (1972).

[a] Apakah maksud konsep peluasan?

[5 markah]

[b] Kenal pasti dan huraikan semua indeks dan koordinat setara yang terdapat di dalam **Data 1**.

[20 markah]

Data 1

Peguam itu seterusnya menimbulkan soalan menyentuh tentang kekeliruan berhubung dua alamat rumah Sirul Azhar yang terletak di Kota Damansara.

Perbezaan dua alamat tersebut terdapat pada dua laporan polis yang dibuat oleh Zulkarnain sendiri yang ditandakan mahkamah sebagai P73 dan P75.

KAMARUL HISHAM: Benar, kamu telah pergi ke satu rumah yang lain sebelum ke rumah tertuduh kedua di alamat No. 5-3-7, Jalan Chamar 4/1, Gugusan Semarak, Seksyen 4, Kota Damansara, Sungai Buloh, Selangor?

ZULKARNAIN: Tak setuju.

KAMARUL HISHAM: Rujuk semula kedua-dua laporan. Selepas kamu membuat pemeriksaan di rumah tersebut, kamu kembali dan membuat laporan (P75) dengan mencatat alamat Sirul sebagai 5-2-4 sedangkan satu lagi dicatatkan sebagai 5-3-7 (P73)?

Pada ketika ini, Hakim Datuk Mohd. Zaki Md. Yasin meminta peguam supaya membuat salinan P75 kepada semua peguam dan barisan pendakwaan untuk rujukan bersama.

ZULKARNAIN: Benar. Sebenarnya, dalam rumah tertuduh kedua, saya telah ambil beberapa bil telefon, air, elektrik dan juga beberapa keping sampul surat. Salah satu bil yang saya peroleh tercatat alamat nombor 5-2-4.

KAMARUL HISHAM: Bagaimana bil-bil lain?

ZULKARNAIN: Saya ambil satu sahaja.

KAMARUL HISHAM: Kamu tidak semak bil yang lain?

ZULKARNAIN: Saya tak ingat.

Terdahulu, saksi terbabit mengakui, dia memang tidak bertanya secara tepat alamat rumah Sirul Azhar kerana tertuduh sekadar memberitahu rumahnya terletak selepas Tol Damansara dan selepas itu bersetuju menunjukkan arah ke rumahnya.

Sumber: Diubahsuaikan daripada *KOSMO* (Khamis 9 Ogos 2007: 4)

3. Jawab soalan [a], [b] dan [c] secara ringkas, padat dan tepat dengan menyertakan contoh-contoh daripada bahasa Malaysia apabila perlu.

[a] Stratifikasi sosial dan tema, topik atau judul dalam penghasilan kelainan bahasa.

[9 markah]

[b] Medan, mode dan tenor (Halliday, 1976) yang membentuk laras bahasa.

[8 markah]

[c] Versi kuat dan lemah hipotesis Sapir-Whorf.

[8 markah]

4. Jawab soalan [a] dan [b] dengan menggunakan **Data 2** yang memaparkan diglosia lurus yang terdapat dalam komuniti bahasa Melayu di Malaysia.

Data 2		
H	H1 H2 <i>Superposed H</i> H4	Bahasa Melayu standard Bahasa Inggeris Bahasa Arab Variasi standard bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Iban, bahasa Kadazan, dan lain-lain
L	L1 L2	Semua bahasa bukan bumiputera (kecuali H di atas), semua bahasa bumiputera (kecuali H di atas), dan semua bahasa kreol Semua bahasa pijin

Sumber: Noriah Mohamed (2003: 104)

- [a] Huraikan maksud bahasa H dan bahasa L di dalam **Data 2** di atas berdasarkan pandangan Fishman (1967).

[7 markah]

- [b] Bagaimanakah anda menghuraikan perkaitan antara bahasa H dengan L di dalam **Data 2** di atas menerusi sembilan kriteria diglosia yang disarankan oleh Ferguson (1959)?

[18 markah]

5. Jawab soalan [a], [b] dan [c]. Soalan [b] dan [c] menggunakan maklumat di dalam **Data 3**.

Data 3

Salleh Maut Kemalangan

JASIN – Timbalan Ketua Polis Daerah Berembang Supritendan Salleh Mihat, 57, maut apabila kereta Proton Waja yang dipandunya melanggar sebuah lori di Kilometer 178 Lebuhraya Utara Selatan awal pagi semalam.

Ketika kemalangan kira-kira pukul 3 pagi, Salleh yang baru 20 hari dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Daerah Berembang, dikatakan sedang menuju ke Muar selepas melawat keluarganya di Klang, Selangor.

Pegawai Turus Trafik Berembang, Cif Inspektor Sulaiman Asri berkata, kereta yang dipandu Salleh dipercayai telah merempuh bahagian belakang lori yang membawa muatan baja dari Kuala Lumpur menuju ke Muar. “Pemandu lori berusia 43 tahun itu pada mulanya menyangka tayar belakang kenderaannya pecah lalu berhenti kira-kira 100 meter selepas itu memeriksanya” kata beliau. Walau bagaimanapun, menurut Sulaiman, lelaki itu terkejut apabila mendapati sebuah kereta terperosok di bahagian belakang lorinya. Salleh maut di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala.

Salleh meninggalkan seorang balu, Salmah Ali, 50 dan tiga orang anak berusia antara 10 hingga 25 tahun.

Sementara itu, anak sulung Salleh berkata kali terakhir dia dan keluarganya melihat Salleh ialah sebelum Salleh bertolak ke Muar pada malam kelmarin. Anak sulung Salleh termasuk ibu dan dua orang adiknya tidak mahu bercakap banyak kerana terlalu sedih dan terkejut dengan kematian Salleh.

Salleh telah berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia selama 24 tahun dan merupakan Timbalan Ketua Polis Marin sebelum ditukarkan ke Berembang. Selepas bedah siasat mayat Salleh dihantar ke Ipoh untuk dikebumikan di kampungnya di sana.

Sumber: Diubahsuaikan daripada KOSMO (Khamis 6 Ogos 2007: 8)

- [a] Untuk mengelakkan tabu atau pemali, pengguna bahasa perlu mengetahui konsep honorifik dan menggantikan konsep yang tabu atau pemali dengan eufemisme. Apakah maksud tabu, honorifik dan eufemisme sebagaimana yang dimaksudkan?

[13 markah]

- [b] Skala honorifik manakah yang akan digunakan untuk merujuk kepada nama yang digariskan di dalam **Data 3**?

[2 markah]

- [c] Sebutkan pelbagai bentuk eufemisme yang boleh digunakan untuk menggantikan nama yang bergaris di dalam Data 3 dan berikan sebab anda memilih eufemisme tersebut.

[10 markah]

6. Jawab soalan [a] dan [b]. Soalan [a] menggunakan maklumat di dalam **Data 4**.

- [a] Jelaskan maksud formula profil sosiolinguistik Malaysia selepas merdeka seperti di dalam **Data 4** berdasarkan formula Ferguson (1966).

[12 markah]

Data 4	
<hr/>	
Jumlah semua bahasa = ± 80 bahasa	
1 Lmaj	= Soweris
± 64 Lmin	= VgerPK
3 Lspec	= 1 (Arab) Soers
	= 1 (Mandarin) Sowers
	= 1 (Inggeris) Soweris
<hr/>	

- [b] Huraikan kedudukan bahasa Inggeris dalam profil sosiolinguistik Malaysia sejak merdeka sehingga hari ini.

[13 markah]